

27/06/2000

PM percaya ada pihak pengaruhi pelajar

SUBANG, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya kejadian membakar beberapa sekolah membabitkan pelajar berlaku kerana ada pihak tertentu mengajar golongan itu berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata apabila anak-anak diajar supaya tidak menghormati undang-undang dan menunjuk perasaan, ramai yang akan tertarik untuk mengambil tindakan sendiri tanpa mengikut undang-undang.

"Mereka dibesarkan sedemikian cara, nampak ada orang yang mempengaruhi kanak-kanak dari peringkat tadika lagi supaya membenci kerajaan dan tidak menghormati sesiapa pun termasuk guru," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, sekembalinya dari menghadiri mesyuarat G15 di Mesir, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas empat kejadian membakar sekolah membabitkan pelajar yang berlaku kebelakangan ini dan seolah-olah ada unsur gangsterisme.

Perdana Menteri berkata ada pihak tertentu mengajar rakyat supaya tidak menghormati undang-undang dan mengadakan tunjuk perasaan serta berkonfrantasi dengan polis, dengan kepercayaan kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa.

Katanya, apabila murid itu meningkat dewasa, mereka juga akan menjadi orang yang tidak menghormati undang-undang.

Beliau khuatir sekiranya kejadian tidak mematuhi undang-undang berterusan, sifat hormat kepada undang-undang akan hilang dan berlaku huru-hara di negara ini.

Katanya, kejadian tidak mematuhi undang-undang adalah satu daripada kesan tunjuk perasaan dan cubaan mencabar serta berkonfrantasi dengan polis.

"Kalau kita tidak menghormati undang-undang, satu hari nanti, kita tidak akan selamat lagi, ini nampak satu trend," katanya.

Mengenai tindakan yang akan diambil seperti cadangan memberi kuasa polis kepada guru, Dr Mahathir berkata kerajaan perlu berhati-hati dan tidak boleh begitu mudah memberi kuasa kepada pihak tertentu dan yang penting semua pihak sepatutnya menghormati undang-undang.

"Ini bermakna di sekolah lagi patut diajar kepada kanak-kanak, kepada penuntut betapa pentingnya mereka menghormati undang-undang," katanya.

(END)